

# **PRINSIP PERAKAUNAN SPM TINGKATAN LIMA**

**KERTAS 3 :  
PROJEK BULAN APRIL 2014**

**CONTOH  
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN,  
PROFIL PERNIAGAAN DAN  
IKATAN PERJANJIAN PERKONGSIAN**

**DISEDIAKAN OLEH  
EN. RITHUWAN BIN NASIR**

**(sifu2b.wordpress.com)**

**28hb. MAC, 2014**

## PENGENALAN PERNIAGAAN PERKONGSIAN

Saya, En. Rithuwan Nasir dan dua rakan kongsi, Puan Cidelly Tan dan Encik Tyson Linggam telah menjalankan perniagaan menjual peralatan elektrik di Daerah Papar, Sabah. Perniagaan perkongsian kami didaftarkan sebagai **Perkongsian Rith City Electric**.

Kami bertiga berkongsi mencebur cabang perniagaan ini dengan membawa masuk wang masing-masing sebagai modal seperti berikut:

Nama Pekongsi	Sumbangan Modal (RM)
Encik Rithuwan Nasir	120 000
Puan Cidelly Tan	80 000
Encik Tyson Linggam	40 000

**Perkongsian Rith City Electric** adalah perniagaan perkongsian yang menjual pelbagai jenis peralatan elektrik untuk kegunaan domestik mahupun komersial yang telah diluluskan kebolehgunaannya oleh SIRIM. Perkongsian kami dibantu oleh empat orang pekerja yang dibayar gaji RM1 500 sebulan.

Saya memilih untuk menjalankan perniagaan peralatan elektrik bersama rakan-rakan niaga atas sebab berikut:

- (i) kami bertiga amat berminat di dalam bidang perniagaan peralatan elektrik;
- (ii) kami mempunyai latar belakang pendidikan di peringkat politeknik dan pusat latihan industri; dan
- (iii) peralatan elektrik mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan penduduk setempat.

Saya percaya dengan menjalankan perniagaan berbentuk perkongsian, kami bertiga dapat mengumpul jumlah modal yang lebih tinggi dan mampu membeli lebih banyak stok yang bermutu dan yang diketahui banyak permintaan. Kami percaya usaha berterusan dan pemasaran yang agresif dan dinamik, kami akan dapat menjual semua

peralatan elektrik dalam jangka masa pendek dan yang terpilih untuk memperoleh keuntungan yang tinggi di samping dapat memenuhi permintaan orang ramai.

Saya faham dengan melibatkan diri di dalam perniagaan perkongsian, saya berdepan dengan risiko-risiko seperti aset peribadi terikat dengan liabiliti perniagaan, persaingan dengan peniaga lain, serta terpaksa menanggung sendiri segala kos dan kerugian. Namun begitu, diharapkan dengan usaha tiga orang berkebolehan berbanding hanya seorang dapat mengurangkan risiko tersebut dan jika berlaku juga kerugian, ia dapat dikongsi bersama dengan rakan kongsi lain.

## PROFIL PERNIAGAAN

i.	Nama Perniagaan	PERKONGSIAN RITH CITY ELECTRIC
ii.	Nama Pemilik/ Pekongsi	1. EN. RITHUWAN NASIR 2. PN. CIDELLY TAN 3. EN. TYSON LINGGAM
iii.	Lokasi / Alamat	Lot. 12, Jalan Sekayalagi 2, Kompleks Niaga Ultimate, 89400 Papar, Sabah
iv.	Jenis Perniagaan	Perkongsian
v.	Tempoh Perakaunan	1 tahun (1hb. April, 2014 hingga 31hb. Mac, 2015)
vi.	Tempoh Rekod	1 bulan (1hb. April 2014 hingga 30hb. April 2014)
vii.	Modal Perniagaan	RM 120 000 ; RM80 000; RM40 000
viii.	Jumlah Pekerja	4 orang pekerja
ix.	Status Perniagaan	Telah lama bermula
x.	Nama dan Alamat Bank	Bank RBN (M) Berhad, Lot 1-2, Jalan Sekayalagi 1, Kompleks Niaga Ultimate, 89400 Papar Sabah
xi.	Nombor Akaun	214-4279-008

## IKATAN PERJANJIAN PERKONGSIAN

i	Nama Perniagaan	PERKONGSIAN RITH CITY ELECTRIC
ii.	Nama-nama Pekongsi	1. EN. RITHUWAN NASIR 2. PN. CIDELLY TAN 3. EN. TYSON LINGGAM
iii.	Bentuk perniagaan	Menjual peralatan elektrik
iv.	Lokasi / Alamat perniagaan	Lot. 12, Jalan Sekayalagi 2, Kompleks Niaga Ultimate, 89400 Papar, Sabah
v.	Jumlah modal disumbangkan oleh setiap pekongsi	1. EN. RITHUWAN NASIR = RM120 000 2. PN. CIDELLY TAN = RM80 000 3. EN. TYSON LINGGAM = RM40 000
vi.	Nisbah pembahagian untung dan rugi antara pekongsi	Dipersetujui pada nisbah 2:1:1
vii.	Kuasa dan tanggungjawab setiap pekongsi	<p>Semua pekongsi boleh mengurus, mentadbir dan menjalankan aktiviti perniagaan perkongsian serta memeriksa buku-buku akaun perkongsian. Walau bagaimanapun, sebarang pembelian produk baru atau masuk dalam perjanjian keberhutangan atau menjamin pihak lain atau menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh dikaitkan dengan aset perkongsian mesti mendapat persetujuan dari semua pekongsi lain.</p> <p>Bagi tujuan pembahagian tugas-tugas khas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pentadbiran dan Perakaunan – En. Rithuwan Nasir</li> <li>b) Pemasaran – Pn. Cidelly Tan</li> <li>c) Pengurusan premis – En. Tyson Linggam</li> </ul>

viii.	Cara penyimpanan akaun	Semua buku akaun perniagaan disimpan di pejabat perkongsian di alamat seperti di atas. Pengeluaran cek mesti mendapatkan tandatangan dari 2 orang pekongsi.
ix.	Gaji pekongsi aktif	Semua pekongsi dibayar gaji pekongsi seperti berikut: a) En. Rithuwan Nasir = RM12 000 setahun b) Pn. Cidelly Tan = RM18 000 setahun c) En. Tyson Linggam = RM18 000 setahun
x.	Jumlah Ambilan dan kadar faedah atas ambilan	Dipersetujui bahawa semua pekongsi dibenarkan membuat ambilan berbentuk wang tunai atau barang niaga tidak lebih dari nilai RM4 000 setahun. Kadar faedah atas ambilan ditetapkan 10% setahun.
xi.	Kadar faedah atas modal	Dipersetujui bahawa semua pekongsi akan dibayar faedah atas modal pada kadar 5% setahun.
xi.	Pinjaman oleh pekongsi dan kadar faedah pinjaman	Dipersetujui bahawa apabila perniagaan memerlukan dana tambahan, perniagaan perkongsian boleh meminjam daripada mana-mana pekongsi pada amaun tidak melebihi RM20 000 dan pada tempoh tidak boleh melebihi 2 tahun. Kadar faedah pinjaman yang dibayar ialah 10% setahun.
xii.	Perkara lain yang tidak dinyatakan di atas	Semua pekongsi sedia maklum bahawa dalam hal-hal selain yang dinyatakan di atas, kedua-dua Akta Perkongsian 1961 dan Akta Syarikat 1965 akan terpakai.